

Pengukuhan nilai ringgit tidak membimbankan

BH-15/5/2007.

Kenaikan tak bermakna ekonomi negara kurang kompetitif: TPM

Oleh Anwar Hussin
dan Nor Liza Ahmad

KERAJAAN tidak bimbang terhadap pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dolar AS ketika ini tidak memberikan kesan ketara kepada ekonomi negara.

"Tidak bimbang. Kekukuhan ringgit tidak bermakna negara akan kurang kompetitif," katanya ketika ditanya jika peningkatan nilai mata wang tempatan itu menimbulkan kebimbangan kerajaan.

Najib berkata demikian kepada media selepas melancarkan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Telekom Malaysia bertemakan 'Reaching Out' di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yaakop; Pengerusi TM, Tan Sri Muhammad Radzi Mansor dan Ketua Eksekutif TM, Datuk Abdul Wahid Omar.

Ringgit berada di paras RM3.40 berbanding dolar AS pada penutup urusan di pasaran tempatan semalam.

Ini adalah peningkatan kira-kira 10 peratus sejak tambatannya kepada dolar AS pada kadar RM3.80 dimansuhkan pada Julai 2005.



RASMI: Najib meletakkan plak berbentuk hati tanda pelancaran Tanggungjawab Sosial Korporat Telekom Malaysia sambil diperhatikan (dari kiri) Nor Mohamed, Abdul Wahid dan Md Radzi di Kuala Lumpur, semalam.

Kenaikan dalam nilai ringgit itu itu berikutan permintaan tinggi pelabur asing bagi mata wang tempatan itu seiring pergerakan di pasaran saham tempatan dan tinjauan ekonomi negara yang lebih baik.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib

berkata, CSR kini diiktiraf sebagai bahagian penting bagi mana-mana organisasi sama ada yang berasaskan keuntungan atau sebaliknya.

Beliau berkata, bagi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pelaksanaan CSR adalah sangat penting sejajar pe-

ranan mereka menyokong usaha kerajaan dalam pembangunan negara.

Katanya, program CSR mampu meningkatkan lagi daya tarikan sesebuah organisasi serta menjadikan mereka pilihan tenaga kerja profesional yang berkualiti.